



MANUAL KHUTBAH JUMAAT



TAJUK ;
ISLAM MENOLAK
PLURALISME AGAMA



ISLAMIC - SAUQUUR - OBEDEFENCE

Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor





"ANAK MASA DEPAN KITA, APA PERANAN KITA".1

2	الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ
3	أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
4	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٣﴾
5	Muslimin yang dirahmati Allah sekalian, Marilah kita tingkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT, dengan melaksanakan segala yang diperintahkan-Nya dan meninggalkan segala yang dilarang-Nya. Hanya dengan ketakwaan yang sebenar-benarnya dan keimanan yang teguh dapat menjadikan kita hamba yang berjaya di dunia dan di akhirat kelak.
6	Mimbar Jumaat pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk "ISLAM MENOLAK PLURALISME AGAMA".



<p>Bolehkah agaknya seseorang yang berakal sihat menerima bahawa semua agama adalah sama? Samakah agama wahyu dengan agama yang dicipta? Adakah sama agama yang penganutnya mengEsakan Allah SWT dan mentaati suruhan-Nya dengan agama yang penganutnya mensyirikkan Allah SWT dan tidak menurut perintah-Nya?</p> <p>Muslimin yang berbahagia,</p>	7
<p>Di zaman kini, ada usaha-usaha pihak tertentu untuk menyamaratakan semua agama. Usaha ini mendokong gagasan bahawa semua agama adalah sama dan benar. Ini bermaksud agama-agama selain Islam juga adalah benar walaupun agama yang mensyirikkan Allah SWT. Pemikiran sesat ini dikenali sebagai pluralisme agama.</p>	8
<p>Pemikiran sebegini sudah tentu akan membawa keraguan kepada umat manusia lebih-lebih lagi umat Islam. Jika semua agama adalah benar, sudah pasti kita boleh menganut mana-mana agama yang kita sukai kerana tujuannya adalah sama, iaitu mengabdikan diri kepada Tuhan yang sama dan pengakhiran yang baik (syurga) boleh dicapai menerusi mana-mana agama.</p>	9
<p>Di negara kita khususnya, golongan yang menganut pemikiran sesat ini membawa beberapa isu seperti penubuhan Suruhanjaya Antara Agama (IFC), kebebasan beragama, perkongsian perayaan dan acara keagamaan dan tuntutan penggunaan kalimah Allah oleh penganut bukan Islam. Kewujudan ajaran sesat kerajaan langit Ayah Pin juga bertitik tolak daripada pemikiran sebegini.</p>	10



Berdasarkan fatwa yang telah diwartakan oleh kerajaan negeri Selangor pada 31 Julai 2014, fahaman pluralisme agama adalah sesat dan menyeleweng daripada ajaran Islam. Bagi umat Islam yang berpegang kepada fahaman ini hendaklah segera bertaubat dan kembali semula ke jalan Islam. Oleh itu, golongan ini hendaklah kita jauhi dan menolak pemikiran mereka supaya kita tidak tergelincir ke jalan kesesatan.

11

Hadirin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Perlu ditegaskan di sini bahawa Islam adalah satu-satunya agama yang benar. Agama wahyu yang benar-benar datang daripada Allah SWT. Satu-satunya agama yang diredai dan diterima oleh-Nya. Firman Allah SWT dalam surah al-Maidah ayat 3:

12

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتْمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيْتُ لَكُمْ الْإِسْلَامَ دِينًا

"Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmat-ku kepada kamu, dan Aku telah redakan Islam itu menjadi agama untuk kamu.."

13



Sebagai agama yang diterima dan diredai Allah SWT, ada beberapa perkara yang membezakannya dengan agama-agama yang tidak diterima oleh Allah SWT. Di antaranya adalah rukun Islam yang wajib dilaksanakan oleh semua umat Islam. Dalam sebuah hadis daripada Abu Hurairah Radiallahu'Anhu, apabila Rasulullah SAW ditanya oleh Jibril AS, apakah Islam? Baginda bersabda:

14

الْإِسْلَامُ أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ وَلَا تُشْرِكَ بِهِ شَيْئًا، وَتُقِيمَ الصَّلَاةَ، وَتُؤْتِيَ
الزَّكَاةَ الْمَفْرُوضَةَ، وَتَصُومَ رَمَضَانَ

"Islam adalah engkau menyembah Allah dan tidak mempersekutukan sesuatu dengan-Nya, mendirikan solat, mengeluarkan zakat yang wajib dan berpuasa Ramadhan"

15

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Bagi mereka yang mencari agama selain Islam pula, Allah SWT sekali-kali tidak akan menerimanya dan segala amalan yang dilakukan adalah sia-sia belaka. Firman Allah SWT dalam Surah Ali 'Imran ayat 85:

16

وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ
الْخَاسِرِينَ ﴿٨٥﴾

"Dan sesiapa yang mencari agama selain agama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya, dan ia pada hari akhirat kelak dari orang-orang yang rugi."

17



Jadi, sudah jelaslah di sini bahawa hanya Islamlah satu-satunya agama yang benar yang hanya diterima dan diredai oleh Allah SWT. Agama-agama selainnya adalah tertolak dan segala amalan yang dilakukan oleh penganutnya tidak diterima oleh Allah SWT. Oleh itu, sudah menjadi kewajipan bagi kita untuk memastikan diri serta ahli keluarga kita agar tetap berpegang teguh dengan agama Islam.

18

Hadirin yang berbahagia,

Islam tidak menolak sikap toleransi bersama penganut agama lain. Rasulullah SAW telah mempraktikkan amalan toleransi bersama penganut agama lain lebih daripada 1400 tahun yang lalu seperti mana yang tertakluk dalam Piagam Madinah. Baginda sebagai pesuruh Allah SWT dan seorang ketua negara telah menunjukkan suri teladan yang terbaik dalam soal toleransi beragama.

19

Namun perlu diingat bahawa toleransi ini bukanlah bermakna kita perlu menyamaratakan semua agama. Islam juga tidak pernah melarang umatnya untuk berbuat baik dan berlaku adil walaupun kepada mereka yang berlainan agama.

20

Firman Allah SWT dalam surah al-Mumtahanah ayat 8:

لَا يَنْهَىٰكُمْ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقْتِلُوا فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُواكُم مِّن دِيَارِكُمْ أَن تَبَرُّوهُمْ وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ ﴿٨﴾

21

"Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil."

22



Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Mengakhiri khutbah ini, ambillah pengajaran daripadanya agar dapat dijadikan pedoman dalam hidup kita, antaranya:

1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa hanya Islam sahaja agama yang benar dan direcai oleh Allah SWT.
2. Umat Islam hendaklah menolak pemikiran sesat yang cuba untuk menyamaratakan semua agama.
3. Umat Islam hendaklah berpegang teguh dengan agama Islam dan mengamalkan segala ajarannya.

23

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا ادْخُلُوا فِي السَّلَامِ كَآفَّةً وَلَا تَتَّبِعُوا خُطَوَاتِ
الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴿٢٠٨﴾

24

"Wahai orang-orang yang beriman! Masuklah kamu ke dalam agama Islam (dengan mematuhi) secara keseluruhan segala hukum-hukumnya; dan janganlah kamu menurut jejak langkah Syaitan; sesungguhnya Syaitan itu musuh bagi kamu yang terang nyata."

25

(Surah al-Baqarah : 208).



<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	29
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ</p>	30



KHUTBAH KEDUA

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،</p>	1
<p>وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.</p>	2
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	3
<p>Sekali lagi khatib ingin mengingatkan supaya sama-sama kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dengan mengawasi diri dan keluarga kita daripada perbuatan keji dan maksiat. Dalam masa yang sama kita terus berdoa agar seluruh negara kita sentiasa dirahmati dan dilindungi daripada segala bentuk ancaman serta penularan wabak Covid-19.</p>	5
<p>Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan hamba-hamba Allah yang bersabar ketika menempuh segala penyakit yang menimpa, berdisiplin dengan sentiasa mematuhi SOP dan ambillah pengajaran atas apa yang berlaku, berhati-hati dan beringatlah selalu walau kita diberi kebebasan untuk bergerak. Ini kerana Negara masih memerangi wabak Covid-19 ini demi keselamatan diri kita serta masyarakat keseluruhannya.</p>	6
<p>Bagi yang terkesan dengan wabak ini, janganlah mengambil jalan mudah dengan memudarat dan menyakiti diri sendiri. Kita mestilah berjiwa besar, sabar dan kuat mental serta fizikal berasaskan keimanan yang mantap.</p>	7



Marilah sama-sama kita memperbanyakkan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW kerana perintah Allah dalam firman-Nya :	8
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾	9
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.	10
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.	11
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.	12
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،	13
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاعُورِ، سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.	14



<p>اللَّهُمَّ أَدِّمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِي عَهْدِ سَلَاطُونِ، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،</p>	15
<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُؤَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.</p>	16
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.</p>	17
<p>Ya Allah, jadikanlah kami ini hamba-hamba-Mu yang sentiasa meninggikan kalimah dan Agama-Mu. Hindarilah kami dari kelompok dan golongan yang suka mencela, mencaci dan menghina Agama-Mu</p>	18
<p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).</p>	19



اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.	20
رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٣١﴾.	21
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩١﴾	22
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.	23